

04 DEC 1997

PM SEKALI LAGI KATA MANIPULATOR SEBABKAN KRISIS MATA WANG

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan sekali lagi bahawa manipulator-manipulator mata wang telah menyebabkan krisis mata wang serantau dan menolak dakwaan bahawa ia semata-mata disebabkan kelemahan di dalam struktur ekonomi.

"Saya mendapatinya sukar untuk bersetuju (kepada dakwaan-dakwaan itu) kerana kita berjalan dengan baik sehingga mereka (spekulator-spekulator) memasuki pasaran," beliau menjawab pertanyaan pemberita ketika melawat bahagian aeroangkasa di pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA).

"Semua pasaran berjalan dengan baik sehinggalah mereka (spekulator) mulai menekan nilai mata wang turun, termasuk ringgit," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengakui bahawa jika manipulator itu tidak masuk, negara-negara di rantau ini akan masih mempunyai masalah mereka tetapi "ia tidaklah seburuk ini."

Apabila ditanya mengenai pakej Tabung Kewangan Antarabangsa untuk Korea Selatan, katanya terserah kepada negara itu untuk menyelesaikan masalah itu.

"Kita akan lihat bagaimana pakej IMF akan membantu Korea Selatan," tambahnya. -- BERNAMA

SB OS